

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 10 (A81)**

Terdapat ramai nelayan masih tidak memiliki lesen bot akibat sistem kuota Jabatan Perikanan. Bagaimanakah kerajaan boleh membantu mereka untuk memiliki lesen bot supaya mereka dapat menjalankan kegiatan dengan sah dan layak mendapat bantuan kerajaan sepertimana diterima oleh pemegang lesen bot?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 11 (A185)**

Mohon pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Johor membuka semula permohonan lesen nelayan kepada para nelayan memandangkan kebanyakan nelayan di senggarang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan lesen. Selain itu peruntukan jeti nelayan amat diperlukan oleh para nelayan.

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP
(Jawapan bersekali untuk soalan A81 & A185)**

Sejak tahun 1980, Jabatan Perikanan Malaysia telah membekukan pengeluaran lesen untuk Zon A, B dan C. Untuk makluman, jumlah pemilik lesen di Negeri Johor berjumlah 5,058 dan nelayan yang aktif adalah sebanyak 11,267 orang.

Pihak jabatan telah mengambil kira tentang keperluan nelayan untuk beroperasi dengan sah dan layak mendapatkan bantuan kerajaan. Bagi perancangan jangka masa pendek, satu proses pemutihan lesen sedang dilaksanakan sejak November 2021 bagi pemegang lesen sampan yang telah tidak aktif melebihi 3 tahun. Sebanyak 775 lesen sampan telah diputihkan dan sesi temuduga seluruh Negeri Johor telah dijalankan melibatkan daerah Mersing, Tg Sedili, Pengerang, Johor Bahru, Pontian, Batu Pahat, Muar dan Tangkak dengan jumlah permohonan sebanyak 1,370. Dengan jumlah lesen sampan yang telah diputihkan, ianya akan dijadikan sebagai kuota baharu untuk pemberian lesen sampan khas dengan membuka permohonan kepada semua penggiat perikanan yang masih belum mempunyai lesen. Bagi perancangan jangka masa panjang permohonan untuk Lesen Zon C2 dan C3 masih lagi boleh dimohon untuk menggalakkan aktiviti perikanan laut dalam. Ini adalah bagi mengurangkan persaingan untuk kawasan perairan Zon A dan Zon B.

Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang berkenaan peruntukan jeti nelayan, pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Johor telah membuat permohonan kepada pihak kementerian dan diluluskan peruntukan sebanyak RM 150,000.00 bagi cadangan kerja-kerja membaik pulih Jeti Sri Pantai, Senggarang. Status semasa, pihak LKIM masih menunggu penurunan peruntukan tersebut daripada ibu pejabat LKIM. Antara kerja-kerja membaik pulih Jeti tersebut adalah menaiktaraf struktur jeti, kemudahan asas dan peralatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 12 (A32)**

Apakah status terkini cadangan mengadakan pusat dialisis di Klinik Pekan Nanas bagi memberikan perkhidmatan kepada bilangan pesakit buah pinggang yang terus meningkat?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Untuk makluman seisi dewan, bagi daerah Pontian, terdapat 8 buah pusat dialisis yang sedang beroperasi di mana 421 pesakit menjalani dialisis di 7 buah pusat Haemodialisis yang dikendalikan oleh pihak swasta manakala 51 pesakit lagi menjalani dialisis di fasiliti kerajaan (Hospital Pontian). Jumlah bilangan mesin dialisis yang beroperasi di daerah Pontian buat masa ini masih dapat menampung keperluan pesakit yang memerlukan hemodialisis mengikut kesesuaian di pusat dialisis yang berkaitan (bilangan mesin haemodialisis dan bilangan paramediks bertugas).

Perkhidmatan perawatan hemodialisis melalui pusat dialisis unit (HDU) merupakan perkhidmatan penjagaan kesihatan tertiar yang memerlukan penjagaan khusus oleh Pakar Neurologi dan anggota terlatih.

Kemudahan yang disediakan perlu mengambil kira kapasiti kepakaran di samping mudahcapaian oleh pesakit.

Cadangan penubuhan HDU di lokasi klinik Kesihatan tidak praktikal dari segi keperluan mahupun kos efektif, atas sebab:

1. Terdapat hanya sebuah Klinik Kesihatan (KK) di Pekan Nenas, yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan primer kepada masyarakat setempat. Tumpuan perlu diberikan kepada pemantapan perkhidmatan pencegahan, perawatan primer, perkhidmatan rehabilitative dan promosi kesihatan. Perkara ini bagi memastikan pada masa hadapan kes yang memerlukan dialisis semakin berkurangan.
2. Luas kawasan KK sendiri yang terhad dan ruang kawasan sedia ada telah digunakan secara optima di dalam usaha memberi perkhidmatan primer yang berkesan.
3. Pada masa ini, telah terdapat 2 buah pusat dialisis swasta (Prima Dialisis HDU & Pusat Hemodialisis Sentosa) yang sedang beroperasi di Pekan Nenas.
4. Kewujudan HDU kerajaan di Pekan Nenas akan membebaskan pihak hospital dari aspek kepakaran sumber manusia dan kos operasi dan penyelenggaraan oleh pihak konsesi.
5. Buat masa ini, belum ada keperluan mewujudkan pusat hemodialisis yang baru kerana pusat sedia ada dapat menampung keperluan semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

DATA PUSAT HEMODIALISIS MENGIKUT DAERAH NEGERI JOHOR TAHUN 2022												
Bil	Pengendali Pusat Hemodialisis	Daerah										Jumlah
		JB	KUL	MR	TGK	BP	SGT	KLG	PTN	KT	MSG	
1	Kerajaan	2	1	1	1	1	1	2	1	2	1	13
2	Swasta/NGO	28	5	8	5	14	7	9	7	7	2	87
3	MAIJ	3	0	0	0	1	1	1	1	1	1	9

BILANGAN PESAKIT MENJALANI HEMODIALISIS BERDASARKAN FASILITI MENGIKUT DAERAH NEGERI JOHOR TAHUN 2022												
Bil	Pengendali Pusat Hemodialisis (Pusat Dialisis dan Unit Dialisis Hospital)	Daerah										Jumlah
		JB	KUL	MR	TGK	BP	SGT	KLG	PTN	KT	MSG	
1	Kerajaan	202	92	62	48	65	54	131	51	104	62	871
2	Swasta	2388	395	622	274	913	485	610	421	471	67	6646

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 13 (A62)

Apakah usaha yang akan dilakukan untuk memudahkan prosedur bagi pelaburan baru di Johor?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Sepertimana Yang Berhormat Tangkak dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam segala perkara atau usaha bagi menarik pelaburan baru dan seterusnya meningkatkan jumlah nilai pelaburan asing dan domestik ke negeri Johor. Pelbagai inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mencapai objektif yang disasarkan termasuklah memudahkan prosedur pelaburan.

Bermula dengan penubuhan Invest Johor sebagai 'focal point' dan sebuah agensi pusat sehenti untuk membantu pelabur yang ingin melabur dan menarik pelaburan luar dan dalam negara ke Negeri Johor. Invest Johor telah pun menganjurkan beberapa siri libat urus bersama para pelabur dan pemain industri utama melalui inisiatif Friendly Johor bagi mengenalpasti dan seterusnya menangani segala permasalahan berkaitan sektor pelaburan sedia ada dengan pragmatik dan holistik.

Pada 2 Jun 2022 yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar turut telah memberi mandat agar Jawatankuasa Pelaburan Johor (JIC) yang berperanan sebagai medium komunikasi dua hala bagi jabatan, agensi, organisasi kerajaan mahupun swasta bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dalam sektor pelaburan kembali aktif dan diperkasakan. Mesyuarat pertama jawatankuasa tersebut telahpun berjaya diadakan pada 9 Jun 2022.

Bagi makluman Yang Berhormat Tangkak dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa Pelaburan Johor (JIC) ditubuhkan bagi menyelaraskan segala kemasukan pelaburan yang masuk ke Negeri Johor. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor bagi membincangkan hal hal yang berkaitan dengan pelaburan di dalam satu platform Kerajaan Negeri. Ianya terdiri dari 2 mesyuarat jawatankuasa kecil iaitu terdiri daripada Jawatankuasa Promosi Pelaburan (IPC) yang melibatkan Pra Pelaburan dan Pasca Pelaburan serta Jawatankuasa Acara Perniagaan Johor (JBEC).

Dalam JIC (IPC), Kerajaan Negeri juga akan lebih fokus dalam menjalankan promosi bagi menarik pelaburan dengan memberi penekanan kepada sektor-sektor berpotensi tinggi yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi Bangsa Johor. Ianya juga dapat melaraskan polisi dan dasar-dasar kerajaan mengenai pelaburan, supaya diterima pakai dan diambil tindakan sewajarnya selain pemantauan secara berkala industri-industri yang sedia ada.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

Bagi JIC (JBEC) pula, JIC melihat Business Events ini merupakan cabang baru ekonomi dan mendapat faedah limpahan ekonomi penganjurannya di Negeri Johor. Johor Convention Exhibition Bureau (JCEB) berfungsi sebagai pembida yang mewakili Kerajaan Negeri bagi sesuatu acara yang berpotensi untuk dilaksanakan di Negeri Johor seterusnya menjadi penyelaras bagi acara tersebut berlangsung.

Invest Johor telapun menjalinkan kerjasama strategik dengan Pejabat Tanah dan Galian untuk membantu pelabur dalam hal-hal berkaitan tanah. Usaha juga sedang dirangka oleh Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan strategi memudahcara proses di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk cadangan pada masa hadapan, beberapa Memorandum Persefahaman (MOU) antara pihak Invest Johor dengan enam belas (16) Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor akan dimeterai bagi usaha mempercepatkan urusan pelabur di Negeri Johor terutamanya bagi proses-proses yang berkaitan dengan urusan tanah dan juga perlesenan di peringkat PBT. Selain itu, pihak Invest Johor turut merancang bagi menjalinkan usahasama strategik dan MOU dengan agensi atau pihak perbankan bertaraf antarabangsa bagi memperluaskan jaringan hubungan di seluruh dunia dan seterusnya memudahkan proses pelaburan.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 14 (A129)**

Apakah status terkini projek naiktaraf “Selekoh S” di DUN Bukit Batu yang tergendala lama sejak 2019 dan bila boleh disiapkan memandangkan kenaikan kos mengikut harga semasa sekarang?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Projek yang dimaksudkan adalah projek Cadangan Kerja-kerja Memperelok Jajaran di Laluan FT001, Johor Bahru ke Ayer Hitam, KM30-40 Kulai, Johor (Selekoh S). Projek ini telah dilaksanakan oleh kontraktor Empangan Makmur Sdn. Bhd. dengan tarikh milik tapak asalnya pada 12 Disember 2017 dan dijangka siap pada 19 Jun 2019.

Oleh kerana kontraktor asal gagal untuk menyiapkan projek tersebut dan telah mengalami kelewatan sebanyak 549 hari. Berdasarkan syarat-syarat kontrak, Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 21 Oktober 2021. Baki kerja yang perlu disiapkan adalah sebanyak 10 peratus.

Sehubungan dengan itu, JKR Johor sedang dalam pelaksanaan proses tender semula baki kerja tersebut. Selaras dengan Pekeliling Kewangan P.K 4.5. Permohonan peningkatan siling telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Johor pada 20 April 2022. JKR juga sedang dalam proses untuk melantik semula perunding asal bagi menyediakan dokumen tender semula.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Batu, jangkaan iklan bagi projek ini adalah pada bulan September 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 15 (A171)**

Apakah tindakan kerajaan dalam mengekang dan membantu masalah peniaga-peniaga jalanan yang menggunakan rezab jalan sebagai alternatif untuk menyara hidup setelah dilanda pelbagai masalah ketika PKP beberapa tahun yang lalu.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Bagi menjawab soalan dari YB ADUN Kemelah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Johor memahami kesusahan rakyat khususnya golongan peniaga. Antara alternatif yang dilaksanakan oleh PBT, sebagai contoh Majlis Perbandaran Segamat (MPS) telah menyediakan lokasi-lokasi penjaja berkelompok / trak bergerak (*food truck*) yang strategik bersebelahan Sungai Kapeh - Jalan Utama 2/2, Taman Utama, Segamat dan mewujudkan lebih banyak lagi tapak penjaja baru. Pihak PBT masih mengutamakan pendekatan "*Keselamatan Diutamakan*" bagi memastikan peniaga jalanan tersebut menjalankan perniagaan di tapak yang selamat dan tidak mengganggu lalu lintas serta pengguna jalanraya yang lain.

MPS dalam perancangan mewujudkan Pusat Penjaja yang akan menempatkan semua penjaja di tepi jalan. Tapak yang dicadangkan ialah di Tapak Pasar Tani Taman Yayasan dan Tapak Pasar Tani Bandar Putra. Bilangan petak yang disediakan berjumlah 60 petak. Tiada kos peruntukan disediakan bagi pusat penjaja baru memandangkan tapak yang dicadangkan ini adalah tapak sedia ada.

Cadangan ini juga akan memudahkan pihak MPS melaksanakan pemantauan dan kawalan. Dengan adanya Pusat Penjaja, MPS akan memberikan kelulusan lesen dalam tempoh 1 hari memandangkan jumlah petak dalam kawasan tersebut telah berada dalam kawalan dan pemantauan. Malahan, penjaja di tepi jalan dilihat telah berkurangan setelah pasar malam dan pasar pagi dibuka semula.

Tindakan penguatkuasaan yang dilakukan dalam waktu perintah kawalan pergerakan adalah lebih kepada pendidikan dan nasihat sekiranya penjaja jalanan masih tidak mempunyai lesen. Malahan, insentif lain yang masih dikekalkan oleh Kerajaan ialah pemberian pengecualian lesen penjaja semenjak 1 September 2018 sehingga kini.

Untuk maklumat tambahan, MPS telah menyediakan 1063 petak bagi penjaja, termasuklah penjaja pasar malam, pasar pagi dan lain-lain. Selain itu, sebanyak 422 petak juga telah disediakan bagi penjaja statik (meja payung, bergerak). Jumlah keseluruhan petak adalah 1,485 (1063 + 422) dan hanya 606 petak digunakan, bersamaan 40% dari jumlah keseluruhan petak yang disediakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 16 (A119)

Minta dinyatakan pendirian Kerajaan Negeri sama ada bersedia untuk memberikan komputer riba secara percuma kepada murid yang cemerlang dan selayaknya seperti program biasiswa?

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Pemberian komputer riba kepada pelajar-pelajar cemerlang dan selayaknya seperti program biasiswa merupakan satu cadangan yang baik. Selain boleh menjadi pemangkin motivasi kepada pelajar untuk mendapat keputusan yang cemerlang, ianya adalah tanda penghargaan yang kerajaan boleh zahirkan dengan pemberian komputer riba secara percuma kepada pelajar yang bertungkus-lumus belajar untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang.

Seperti yang kita semua sedia maklum, pelajar yang mengambil keputusan peperiksaan SPM 2021 adalah pelajar yang mengharungi tingkatan 4 dan 5 dalam keadaan serba kekurangan. Keadaan memaksa mereka belajar sebahagiannya secara atas talian tanpa ada perancangan dan persediaan yang cukup. Alami perubahan silabus mendadak dan sebagainya. Kementerian Pendidikan Malaysia sudah cuba semampunya dan sebaiknya dalam kekangan yang ada, ibu bapa dan pelajar pun sudah buat yang terbaik dengan kemampuan yang ada.

Mahupun begitu, ingin saya kongsi di sidang dewan yang mulia ini, pada hari Khamis yang lalu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 telah keluar. Walaupun pelbagai cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan PKP (2020-2021) yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini, namun kebanyakan daripada anak-anak kita berjaya mendapat keputusan yang membanggakan untuk negeri Johor secara keseluruhannya. Bilangan pelajar yang mendapat "Straight A" bagi tahun 2021 meningkat kepada 1122 orang pelajar berbanding tahun 2020 iaitu seramai 1035 pelajar mendapat A penuh. Syabas dan tahniah.

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) akan mengkaji pelaksanaan inisiatif untuk memberikan komputer riba secara percuma kepada murid cemerlang dan selayaknya ini dari beberapa aspek. Antara kaedahnya pelaksanaannya ialah Jabatan Pendidikan Negeri Johor perlu mengenalpasti golongan sasar penerima. Selain itu, bagi sumber peruntukan pula ianya bergantung kepada kekuatan kewangan semasa kerajaan.

Dalam pada masa yang sama, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) juga telah menyediakan Biasiswa Kenangan Dato' Onn (BKDO) dan masih diteruskan sehingga

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

kini. Biasiswa Kenangan Dato' Onn (BKDO) ini diberikan kepada murid sekolah menengah dalam kalangan B40 yang mendapat keputusan cemerlang. Pada tahun ini juga, YPJ telah memperuntukkan sebanyak RM650 ribu dengan anggaran penerima manfaat seramai 1,000 orang pelajar.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 17 (A64)**

Sila nyatakan jumlah kompaun berkaitan asrama pekerja yang telah dikeluarkan sejak tahun 2020 sehingga sekarang dan jenis kesalahan masing-masing.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman daripada tahun 2020 sehingga 31 Mei 2022 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor telah mengeluarkan 275 tawaran kompaun berjumlah RM 4,098,000.00 atas kesalahan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Kompaun yang dikeluarkan adalah melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 24D iaitu Penginapan yang disediakan tiada Perakuan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 18 (A65)**

Sila nyatakan jumlah Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan Bukan Kerajaan yang telah berdaftar dengan JKM mengikut daerah dan jumlah Bantuan Khas Perbendaharaan yang telah disalur sepanjang tahun 2021.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor telah memproses pendaftaran Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK) (Bukan Kerajaan) yang mempunyai pusat jagaan berkediaman atau harian di bawah Akta Pusat Jagaan, 1993. Sehingga Mei 2022 JKM Negeri Johor telah mendaftarkan sebanyak 247 PSK di bawah Akta tersebut. Pecahan PSK yang telah berdaftar mengikut daerah adalah seperti berikut: -

BIL	DAERAH	JUMLAH PSK
1	BATU PAHAT	20
2	JOHOR BAHRU	165
3	KLUANG	23
4	KOTA TINGGI	5
5	KULAI	13
6	MERSING	2
7	PONTIAN	5
8	SEGAMAT	9
9	TANGKAK	5
10.	MUAR	0
	JUMLAH	247

Pada tahun 2021 kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM59,822,530.00 kepada 21 buah PSK di Negeri Johor. Sementara bagi peruntukan di bawah Kerajaan Negeri Johor pula, pada tahun 2021 sebanyak RM895,000.00 telah diluluskan kepada 35 buah PSK.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 19 (A22)

Apakah status terkini cadangan perancangan pembinaan stesen Bukit Indah sebagai terminal transit daerah Johor Bahru dengan kemudahan "Park & Ride".

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD JAFNI BIN MD. SHUKOR

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mempunyai perancangan untuk membina tempat letak kereta bertingkat di Taman Bukit Indah pada tahun ini (2022) dan pelaksanaan projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2023 atau setelah reka bentuk projek dipersetujui dan mendapat kelulusan.

Cadangan projek pembangunan di Lot PTD 163833 adalah seluas 0.34 ha iaitu rezab tempat letak kenderaan bernilai RM14 juta dibawah peruntukan Pembangunan MBIP. Jarak bagi tapak projek ke Bandar Johor Bahru (JB Sentral) adalah 17.00 km melalui Lebuhraya Persisir Pantai dan Hospital Sultanah Aminah. Ia memerlukan masa selama 21 minit sahaja bagi ke bandar

Lokasinya yang strategik iaitu berhampiran Pasaraya Aeon Jusco Bukit Indah dan Tesco. Pembangunan ini juga berdekatan dengan Dewan Makan Keluarga Cina, McDonalds, Public Bank dan Granada Hotel serta berhadapan dengan Stesen Petronas Bukit Indah.

Konsep pembangunan adalah tempat letak kereta bertingkat dengan kemudahan lot-lot parking sebagaimana berikut;

FLOOR / ARAS	CAR / KERETA	MOTORCYCLE / MOTOR	OKU
GF			
1F	51	15	1
2F	76	6	1
3F	76	6	1
4F	76	6	1
ROOF	76	6	1
TOTAL	355	39	5

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

Walau bagaimanapun projek ini masih lagi di dalam proses reka bentuk dan tertakluk kepada perubahan faktor tapak dan lain-lain komponen yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, status pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Taman Bukit Indah ini masih dalam proses cadangan reka bentuk semula untuk kemudahan '*Park & Ride*' dan ianya belum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat MBIP (OSC

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 20 (A43)**

Kemalangan lalu lintas selalu berlaku di simpang empat Taman Senai Jaya yang terletak di Jalan Pintas Seelong- Ulu Tebrau, J02. Sila nyatakan tindakan yang telah atau dalam rancangan bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, lokasi kemalangan yang dimaksudkan iaitu di simpang empat Taman Senai Jaya terletak di laluan J02 Jalan Pintas Seelong – Ulu Tebrau, Seksyen 1.10. Sempadan penyelenggaraan JKR adalah terhad di jalan utama sahaja manakala persimpangan masuk ke Taman Senai Jaya adalah dibawah seliaan pihak Majlis Perbandaran Kulai. Laluan jalan ini merupakan kawasan perindustrian yang sibuk dan mempunyai aliran trafik yang sangat tinggi setiap hari.

Hasil penilaian daripada JKR mendapati rekabentuk persimpangan sediaada tidak mempunyai lorong percepatan dan perlambatan yang sempurna dan mencukupi bagi akses masuk ke Taman Senai Jaya tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan persimpangan tersebut menjadi lokasi berpotensi kerap berlaku kemalangan jalan raya.

Kerja-kerja pelebaran jalan telah dijalankan pada tahun 2018 di kawasan tersebut. Kerja-kerja meningkatkan ciri ciri keselamatan jalan raya iaitu '*transverse bar*' dan '*road studs*' serta membina lampu isyarat lintasan pejalan kaki telah dilaksanakan pada tahun 2020. Dengan pelaksanaan projek ini, ianya dapat mengurangkan kadar kemalangan di kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, JKR akan sentiasa memantau di kawasan tersebut agar keselesaan dan keselamatan pengguna jalanraya terjamin. Diharapkan juga pengguna jalan raya perlulah berhemah dan berhati hati di jalan raya.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 21 (A45)**

Status terkini tentang rancangan membina Klinik Kesihatan baharu di Taman Mewah Senai, dan juga status tanah rizab tersebut serta tempoh dijangka siap bagi projek ini.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Pejabat Kesihatan Daerah Kulai telah membuat permohonan kepada Pejabat Tanah Daerah Kulai berkaitan berkaitan status tanah di Taman Mewah, Senai bagi cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 yang baharu. Walau bagaimanapun, PKD Kulai dimaklumkan melalui surat bertarikh 30 Jun 2021 bahawa tapak cadangan Klinik Kesihatan yang baharu tersebut telah dibawa bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri pada 29.9.2020 dan masih belum menerima keputusan daripada pihak Pengarah Tanah dan Galian Johor.

Status pemberimilikan tanah cadangan pembangun KK Taman Mewah di atas tapak PTD105166, Mukim Senai, seluas 2.0195 hektar

Permohonan tersebut masih di peringkat Pejabat Tanah Galian (PTG) Negeri Johor. JKNJ telah membuat permohonan pemberimilikan kepada Pejabat Tanah Daerah Kulai melalui JKPTG Persekutuan Putrajaya pada 19 Februari 2020. Berdasarkan semakan sehingga 7 Jun 2022, tiada sebarang keputusan yang diperolehi setakat ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN 22 (A12)

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu mempromosi serta membangunkan potensi sedia ada di kawasan alam semula jadi yang terletak di kawasan DUN Tenang dan DUN Bekok supaya kawasan itu menjadi salah satu hab eko-pelancongan kepada pelancong luar seperti negara jiran?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 23 (A13)

Dalam DUN Bekok terdapat 2 tempat pelancongan yang popular iaitu Taman Eko Rimba Sungai Bantang dan Taman Negara Selai, soalan saya adakah kerajaan negeri Johor mempunyai perancangan untuk menambah baik pusat pelancongan tersebut untuk menarik pelancong dalam dan luar negara.

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

(Jawapan bersekali untuk soalan A12 & A13)

Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023 telah merancang tema pembangunan Eko-Pelancongan yang melibatkan pelbagai produk utama di dalam Kawasan bersama DUN Tenang dan DUN Bekok, iaitu Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai) dan Taman Eko-Rimba Sungai Bantang, Gunung Bekok dan Taman Eko-Rimba Takah Melor.

Pada masa kini, Taman Eko Rimba Sungai Bantang mempunyai fasiliti asas yang agak lengkap bagi kemudahan pengunjung seperti tempat meletak kenderaan yang boleh menempatkan 200 kenderaan, kemudahan tandas dan bilik air, surau, tapak perkhemahan, gazebo dan dewan terbuka.

Bagi memastikan Taman Eko Rimba Sungai Bantang terus kekal menjadi kawasan ekopelancongan yang berupaya menarik pelancong dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Tourism Johor telah mempunyai perancangan yang dinyatakan di dalam Rancangan Pengurusan Hutan 2016 - 2025 dan perancangan jangka sederhana di bawah Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T). Antara cadangan perancangan bagi membangunkan kawasan-kawasan tersebut adalah sebagaimana berikut :-

1. Menaiktaraf kemudahan sokongan pelancongan di Pekan Labis dan Pekan Bekok.
2. Menaiktaraf kemudahan asas pelancongan.
3. Menaiktaraf kemudahsampaian.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

4. Menaiktaraf kemudahan penginapan.
5. Memperbanyakkan program pendidikan alam sekitar kepada pelajar sekolah serta institusi pengajian tinggi.
6. Menganjurkan program pembangunan modal insan khususnya kepada kakitangan dan pemandu pelancong alam semulajadi negeri Johor.

Sehubungan itu, dalam tahun 2020, sebanyak RM450,000.00 telah dibelanjakan melalui Peruntukan Pembangunan Negeri (P71) bagi kerja-kerja membina tandas, surau, water splash di kawasan mandi-manda di sungai dan kerja-kerja menaiktaraf laluan berbumbung di dewan terbuka. Sementara itu, dalam tahun 2021, peruntukan sebanyak RM380,000.00 telah dibelanjakan untuk pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf tandas, bangunan pejabat dan kaunter serta membina jambatan gantung dan menaiktaraf tapak perkhemahan.

Untuk tahun 2022, sebanyak RM270,000.00 telah diperuntukan bagi meaksanakan kerja-kerja menyelenggara sistem bekalan air graviti, membekal dan memasang sistem solar bagi bekalan elektrik ke pejabat, tandas, tapak perkhemahan dan kawasan sekitar.

Manakala perancangan bagi tahun 2023 hingga 2025 adalah sebagaimana berikut:
Menyediakan Pelan Induk Pembangunan Taman Eko Rimba Sungai Bantang;

1. Menaiktaraf trek pendakian ke Gunung Bekok;
2. Menaiktaraf Gerai sedia ada dan menyediakan pusat pengumpulan sampah;
3. Menambah jumlah tapak perkhemahan bagi pengunjung;
4. Menaiktaraf tapak meletak kenderaan; dan
5. Membangunkan laluan denai intepertasi pembelajaran.

Dalam aspek kebersihan di kawasan ekopelancongan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mengambil langkah inisiatif dengan mengenakan deposit sampah kepada pengunjung dengan kadar RM10 bagi memastikan pengunjung membawa keluar sampah atau bahan buangan yang dihasilkan dari barang-barang yang dibawa masuk ke dalam kawasan Taman Eko Rimba.

Pengunjung perlulah membawa keluar sampah dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan sebelum deposit tersebut dipulangkan semula. Kesan dari inisiatif ini, kawasan Taman Eko Rimba Sungai Bantang berada di dalam keadaan bersih dan menjadikan imej kawasan ekopelancongan dalam keadaan terbaik.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

Bagi Taman Negara Johor Endau-Rompin (TNJER) (Selai) pula, pihak PLANMalaysia, Perbadanan Taman Negara Negeri Johor (PTNJ), Majlis Daerah Labis, Majlis Daerah Mersing Majlis Perbandaran Kluang dan pihak perunding dalam proses penyediaan Kajian Rancangan Kawasan Khas Pembangunan Taman Negara Endau-Rompin yang dijangka siap pada akhir 2022.

Di dalam RKK tersebut terdapat perancangan pembangunan bagi meningkatkan lagi kualiti di TNJER Selai sebagai pusat pelancongan yang penting di Bekok. Selain itu juga, dalam RKK tersebut juga ada menyebut kepentingan pekan Bekok sebagai pekan transit ke TNJER (Selai).

Pihak PTNJ juga ada menjalankan projek-projek menaiktaraf kemudahan sedia ada sebagai contoh tahun 2021 telah dilaksanakan projek menaiktaraf kemudahan pelancongan di Lubuk Merekek (Selai) yang mana peruntukan diperolehi daripada pihak MOTAC.

Pada tahun 2022 pula melalui peruntukan RJ5T, satu projek membina sebuah bunbun pemerhati sedang dilaksanakan di TNJER Selai. Untuk kemasukan pelawat ke TNJER Selai seramai 938 orang dengan hasil kutipan pendapatan sebanyak RM65,181.00. Pecahan pelawat bagi warganegara Malaysia seramai 918 orang manakala bukan warganegara Malaysia seramai 21 orang bermula Januari hingga Mei 2022.

Dalam masa sama juga, sehingga kini, Tourism Johor dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Perbadanan Taman Negara Johor, Pejabat Daerah Segamat, Malis Perbandaran Segamat dan Majlis Daerah Labis telah mempromosikan produk-produk pelancongan ini melalui saluran media-media eletronik dan cetak, dengan menyasarkan segmen eko-pelancongan sebagai intipati utama destinasi ini.

Dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan industri serta medium digital sebagai contoh Johor Tourism Interchange (JTI), pakej-pakej pelancongan dan maklumat berkaitan produk ini boleh diakses kepada ahli-ahli industri terutama kepada para pelancong di negara-negara jiran.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 24 (A34)

Adakah pihak Kerajaan Negeri Johor akan meneroka potensi manfaat pengeluaran bekalan makanan melalui segitiga pembangunan Singapura-Johor-Riau (SIJORI)?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Berdasarkan kepada hasil kajian Pelan Pembangunan Komprehensif III Iskandar Malaysia yang sedang dijalankan, Kerjasama Segitiga Pembangunan Singapura-Johor-Riau (SIJORI) adalah merupakan suatu kerjasama yang penting dan masih relevan untuk meningkatkan daya saing ketiga-tiga wilayah ini terutamanya dalam usaha untuk menarik pelabur asing dan meningkatkan aktiviti perdagangan.

Sumber di antara ketiga-tiga wilayah ini boleh dikongsi dan saling melengkapi menerusi empat kategori iaitu tenaga kerja (sumber manusia), modal (pelaburan asing), sumber asli (mineral dan tanah) serta teknologi (kemahiran dan pengetahuan).

Sektor ekonomi pertanian dan pemprosesan makanan adalah salah satu sektor ekonomi yang dipromosikan di dalam wilayah Iskandar Malaysia. Aktiviti pertanian di dalam kawasan Iskandar Malaysia menyumbangkan kira-kira 89,879.2 Metrik Tan hasil tanaman sayuran yang merupakan 43% daripada jumlah keseluruhan hasil tanaman sayuran negeri Johor pada tahun 2020.

The Hershey Company, antara pengeluar makanan berasaskan coklat terkemuka di dunia telah melabur kira-kira RM816 Juta di kilang pengeluarannya di Johor serta telah berkembang dengan pembukaan pusat penyelidikan dan pembangunannya pada bulan Mei yang lalu.

Dengan kedudukan Iskandar Malaysia sebagai zon ekonomi terhampir dengan Singapura, ianya mempunyai kelebihan dari segi pengurusan logistik berbanding kawasan lain serta menawarkan kos asas yang lebih murah dan potensi keuntungan (margin) yang lebih besar kepada pengusaha.

Oleh itu, sektor ini akan diperkukuhkan dengan mengkaji usaha ke arah pertanian moden sebagai sektor ekonomi baharu untuk dipromosikan di wilayah ini. Ianya selaras dengan keperluan utama bagi meningkatkan aspek keselamatan makanan dan permintaan besar untuk bekalan makanan berterusan bagi Malaysia, Singapura dan negara serantau. Selain itu, fokus turut akan diberikan kepada hasil bernilai tinggi (high value) dan peningkatan rantaian nilai (value chain).

Kajian Pelan Pembangunan Komprehensif III Iskandar Malaysia juga menggariskan strategi penggunaan teknologi terkini (IoT dan Pertanian 5.0) dan pertanian pintar, penyelidikan dan pembangunan dengan tujuan mempelbagaikan kluster pemprosesan makanan, memperkukuhkan piawaian halal dan tahap komersial

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

produk makanan halal, pengujudan hab dagangan koko di Johor serta pengukuhan kaedah pengumpulan dan pendedaran yang lebih berintegrasi dan berpusat. Antara strategi lain yang dikaji adalah berkenaan insentif yang boleh menarik pelaburan asing besar di dalam sektor pertanian dan makanan serta penentuan zon pengeluaran berskala besar yang bersesuaian.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 25 (A90)

Apakah perkembangan dan pencapaian usaha pengasingan sampah di Johor?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB, Kempen Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) yang dilaksanakan pada September 2015 sehingga kini secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan. Hal ini dapat dibuktikan dengan peningkatan jumlah kutipan barangan kitar semula dari rumah ke rumah yang dibuat oleh pihak konsesi.

Pada tahun 2018 berat kutipan adalah sebanyak 779,201 kg. Manakala, tahun 2017 meningkat kepada 846,145 kg dan terus meningkat dengan mencatatkan sebanyak 1,146,126 kg pada tahun 2020. Trend peningkatan jumlah kutipan kitar semula di Negeri Johor menunjukkan bahawa pemahaman masyarakat berkaitan kempen pengasingan sisa pepejal semakin baik dan usaha yang baik terus dilaksanakan oleh mereka. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan jadual di bawah;

Tahun	2016	2017	2018	2019	2020	2021	Jan-Mei 2022
Berat kitar semula (kg)	435,726	670,208	779,201	846,145	1,146,126	1,444,062	478,501
Kenaikan berbanding tahun sebelum (%)	53.80%		16.30%	8.60%	35.40%	26%	-

Bagi memastikan pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) bertambah baik dan berkesan, pihak SWCorp telah mempergiatkan lagi kempen dan taklimat berkaitan pengasingan sisa pepejal kepada semua agensi kerajaan dan swasta serta komuniti setempat sebagai usaha secara berterusan bagi mengurangkan sisa pepejal di Negeri Johor. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut;

1. Program *trash to cash* bersama komuniti yang dibuat diperingkat cawangan SWCorp,
2. Komuniti Sifar Sisa (KOSIS) di PPR yang terpilih di mana aktiviti *trash to cash* dibuat secara bulanan. Selain itu, penduduk juga diajar dengan pelaksanaan baja kompos,
3. Masjid angkat juga dijalankan bagi aktiviti *trash to cash* di pusat-pusat ibadat,

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

4. Program KitaRecycle yang dijalankan oleh pihak konsesi bersama komuniti, institusi dan lain-lain,
5. Projek Rintis Kitar Semula bagi Premis Komersial di Taman Impian Emas.

Selain itu juga, pemakluman melalui media massa, media cetak dan media elektronik terus dibuat bagi memastikan masyarakat mengambil peduli terhadap kempen yang dilaksanakan. Penguatkuasaan kempen Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) juga dilaksanakan agar masyarakat lebih prihatin terhadap peraturan ini. Bermula Jun 2016, sebanyak 293,239 premis telah dibuat semakan dan sebanyak 187 Notis Pemberitahuan Kesalahan telah dikeluarkan. Manakala, jumlah kompaun yang telah dikenakan adalah sebanyak RM 6,050.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 26 (A137)**

Apakah rancangan kerajaan untuk menaik taraf sekolah yang mempunyai kelas pendidikan khas bagi mengatasi masalah jumlah pelajar yang semakin bertambah?

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Program Pendidikan Kelas Integrasi (PPKI) merupakan kelas yang diwujudkan bagi menampung bilangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Murid yang boleh mendaftar dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah:

- 1.1 Murid bermasalah pengelihatan
- 1.2 Murid bermasalah pendengaran
- 1.3 Murid bermasalah pembelajaran
[Rujukan: **Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi**; Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 6 Tahun 2015]
Bagi sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di Malaysia, kanak-kanak yang boleh dididik adalah layak mengikuti program khas kecuali mereka mengalami kecacatan terlalu serius atau yang terencat akal sebagaimana berikut:
- 1.4 Murid bermasalah pembelajaran, pendengaran, dan penglihatan
- 1.5 Memastikan murid MBK mendapat pendidikan dalam persekitaran yang minimum (LRE)
- 1.6 Murid ditempatkan di kelas khas di sekolah harian biasa supaya mereka dapat bergaul dengan murid biasa dan tidak rasa terpinggir
- 1.7 Program diwujudkan di sekolah harian biasa (rendah, menengah, dan sekolah teknik/vokasional) yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif

Jabatan Pendidikan Negeri Johor JPN telah meluluskan pembukaan kelas Program Pendidikan Kelas Integrasi (PPKI) di sekolah-sekolah baharu pada setiap tahun bagi mengatasi masalah peningkatan jumlah Murid Berkeperluan Khas (MBK). Pada tahun 2021, JPN Johor telah meluluskan 8 buah kelas PPKI baharu lagi dan jumlah keseluruhan setakat ini adalah 404 buah di sekolah-sekolah bawah seliaan di Negeri Johor. Pada tahun 2022, JPN Johor mengunjurkan 4 buah kelas PPKI baharu lagi yang dijangka akan beroperasi pada tahun 2023.

Pada tahun 2022, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menurunkan peruntukan penyelenggaraan kelas PPKI dan kemudahan mesra OKU di 59 buah sekolah bawah seliaan JPN Johor bernilai RM 3.15 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 27 (A117)

Minta dinyatakan status terkini Ikhtiar BN Johor berhubung pinjaman tanpa faedah RM100 juta Bank Rakyat yang saya percaya akses yang amat dinantikan rakyat terutama supaya usahawan kita dapat dibantu dengan kadar segera?

JAWAPAN YB TUAN HAIRI BIN MAD SHAH

Bank Kerjasama Rakyat telah memperuntukkan dana sebesar RM 100 juta bagi pinjaman kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Kerajaan negeri akan memberi bantuan dalam bentuk subsidi atas faedah yang dikenakan oleh pihak bank.

Usahawan Kategori Mikro akan diberi subsidi sepenuhnya manakala Usahawan Kategori Kecil dan Sederhana akan disubsidi sebahagian daripada jumlah pinjaman. Jumlah keseluruhan subsidi yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Johor adalah hampir RM 27 juta.

Perbincangan akhir telah dilakukan bersama Bank Rakyat dan jangkaan akan dilancarkan pada Julai 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 28 (A109)

Apakah status Projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (TPSPS) Bukit Payong?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Status semasa TPS Bukit Payong adalah seperti berikut mengikut pelaporan yang diperolehi daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN). Kemajuan Fizikal di tapak mengikut Jadual asal adalah 100% tetapi kemajuan sebenar adalah 96.98% telah mengalami peratus kelewatan sebanyak 3.02%. Walaubagaimanapun, pihak kontraktor dalam permohonan Extension of Time (EOT) ke-7 berjumlah 242 hari sehingga 20 Oktober 2022 bagi kelewatan pengalihan utiliti di jalan masuk utama.

Antara kerja-kerja yang telah dijalankan di tapak adalah seperti berikut:

1. Kerja-kerja pembersihan tapak (site clearing) 100% siap
2. Kerja- kerja bagi jalan masuk dan sel 2:
3. Kerja Tanah
4. Kerja Longkang
5. Kerja Turfing
6. Kerja Jalan
7. Kerja Pembinaan Bangunan seperti berikut:
8. Bangunan Pentadbiran 100%
9. Surau 100%
10. Tandas awam 100%
11. Bengkel 100%
12. Kerja pembinaan pondok pengawal dan bilik operasi mencapai 100%
13. Kerja pembinaan LTP telah mencapai 98%
14. Kerja pemasangan liner sel 2 telah mencapai 100%

Kelewatan dan isu utama projek adalah disebabkan bantahan penduduk, arahan penangguhan kerja oleh Jabatan dan Covid-19. Baki kerja semasa adalah kerja pengalihan utiliti, jalan masuk ke tapak, dan kerja premix jalan. Berdasarkan status semasa projek, projek ini boleh disiapkan pada Oktober 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 29 (A157)**

Bagaimana kerajaan negeri Johor dapat memantau masalah kekurangan pekerja upahan untuk menuai buah sawit tandan segar di kebun-kebun sawit di FELDA-FELDA yang menyebabkan kelapa sawit tidak dituai seterusnya menyebabkan kerugian kepada para peneroka?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Sehingga kini, jumlah pekerja ladang di Wilayah Johor Bahru adalah seramai 1,830 orang di mana keperluan sebenar adalah sebanyak 2,786 orang. Terdapat kekurangan sebanyak hampir 30% iaitu seramai 938 orang pekerja ladang. Manakala, di FELDA Wilayah Segamat pula jumlah buruh ialah seramai 541 orang. Daripada jumlah tersebut, 184 orang (34.01%) adalah tenaga kerja tempatan dan 357 orang (65.98%) daripada tenaga kerja asing.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak FELDA bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja ladang ini bagi memastikan BTS peneroka dapat dituai semaksimumnya. Antaranya adalah:

- i. Penggunaan mekanisasi ladang serta alatan menuai yang dapat meningkatkan produktiviti tenaga kerja ladang. Sehingga kini, terdapat 13 jenis mekanisasi yang telah digunakan dengan jumlah keseluruhan 194 mekanisasi di kebun-kebun peneroka. Penggunaan mekanisasi dapat meningkatkan produktiviti penuaian dengan purata 1 penuai :3.5 hektar berbanding kaedah konvensional 1 penuai :1.5 hektar;
- ii. Pengurusan FELDA telah menyediakan kaedah bayaran dan panduan kadar upah tambahan bermula bulan April 2021 yang memberikan kelebihan kepada tenaga kerja tempatan di kalangan peneroka dan generasi FELDA dalam memperolehi pendapatan yang baik daripada hasil menuai buah sawit. Melalui kaedah tersebut, peneroka dan generasi FELDA dapat berkerja mengikut kemampuan individu dan bayaran secara harian;
- iii. Penyediaan asrama yang lebih kondusif untuk tenaga kerja ladang tempatan. Asrama ini dibina di kawasan berhampiran dengan tanah rancangan dan mempunyai utiliti lengkap termasuk capaian internet;
- iv. Mewujudkan kumpulan penuai di kalangan tenaga kerja tempatan secara 'transit' yang boleh bergerak secara berkumpulan ke rancangan-rancangan FELDA berhampiran untuk menuai buah sawit di kebun-kebun peneroka. Kumpulan penuai ini diwujudkan di peringkat gugusan bagi memastikan pergerakan berjalan lancar;
- v. Memperkasakan badan-badan dan koperasi di rancangan dalam menarik minat peneroka dan generasi FELDA untuk turut terlibat dalam pengurusan kebun peneroka.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

Sasaran FELDA adalah untuk meningkatkan penglibatan tenaga kerja tempatan sehingga 60% daripada keseluruhan tenaga kerja ladang dan seterusnya mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 30 (A20)

Nyatakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak Jawatankuasa Pilihan Dewan Negeri Johor seperti yang dijanjikan oleh Barisan Nasional semasa Pilihan Raya Negeri ke-15 dan yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang Johor.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Perling, kerajaan negeri komited dalam memperkasakan Dewan Negeri Johor. Tiga Jawatankuasa Pilihan telah ditubuhkan pada Pilihanraya Umum Ke-14 iaitu:

- i. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah tetap bagi Dewan Negeri Johor.
- ii. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri.
- iii. Jawatankuasa Pilihan Impak Pertambahan Pengundi.

Ketiga-tiga jawatankuasa ini dimasukkan dalam Buku Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Sekiranya ada cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan yang lain ianya boleh diwujudkan secara *Ad-Hoc* di bawah Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor Bilangan 103-106.

Jawatankuasa Pilihan yang dicadangkan mestilah tidak bertindih dengan fungsi jawatankuasa sedia ada di jabatan-jabatan kerajaan lain.

Jawatankuasa Ketelusan Johor yang dicadangkan oleh pihak pembangkang sebelum ini memerlukan perincian yang lebih teliti dan perlu dirujuk terma-terma tertentu terhadap peraturan yang akan digunapakai.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 31 (A98)

Apakah status terkini kedudukan kewangan kerajaan negeri dan setiap PBT secara berasingan, termasuk simpanan semasa, simpanan tetap, wang amanah, K.W. pembangunan, K.W. PBKB, K.W. ISF dan Tanggungan Semasa?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 32 (A101)

Adakah KMK (Kuota Menegak Kerajaan) kembali digunakan dalam agihan Rumah Mampu Milik Johor dan berapakah jumlah dan peratusan kuota ini?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan ketetapan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor bertarikh 12 Jun 2018 telah bersetuju memansuhkan Kuota Menegak Kerajaan (KMK) di dalam pembahagian Perumahan Rakyat Johor dan bersetuju memperuntukkan Kuota Khas yang terdiri daripada Kuota Prihatin Rakyat -10%, Kuota Belia - 5% dan Kuota OKU – 5%. Sehingga kini, di samping penetapan Kuota Awam, peruntukan Kuota Khas ini telah dioptimumkan pemakaiannya dalam setiap projek Rumah Mampu Biaya (RMBJ) dan Kedai Kos Sederhana (KKS) yang didaftarkan melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Rakyat Johor (PKPJ). Tiada pecahan kaum dalam Kuota Khas dimana semua kaum yang memenuhi syarat kelayakan, layak untuk memohon kuota tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 20 JUN 2022**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 33 (A70)

Apakah tindakan agensi untuk mengatasi masalah bau di Sungai Selangkah berhampiran Taman Tanjung Puteri resort yang kerap berulang?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Dalam usaha untuk mengatasi masalah pencemaran bau di Sungai Selangkah berhampiran Taman Tanjung Puteri Resort agar tidak berulang, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- i. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap pengusaha-pengusaha kilang di sepanjang Sungai Selangkah terutamanya di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang agar mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Ini termasuk pemeriksaan ke atas kilang secara berkala, siasatan penguatkuasaan ke atas aduan yang diterima dan penguatkuasaan melalui kaedah Guided Self Regulation (GSR), notifikasi dan pelaporan secara atas talian (OER);
- ii. Pelaksanaan Operasi Bersepadu JAS dijalankan dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah dilaksanakan di kawasan industri sepanjang Sungai Selangkah. Rondaan pemantauan dan lawatan ke atas industri dilaksanakan bagi memastikan kesemua operasi industri-industri di sekitar Sungai Selangkah, Pasir Gudang dipantau tidak kira siang atau malam.
- iii. Pemantauan dan intipan dengan menggunakan *drone* senantiasa dijalankan bagi membantu kerja-kerja penguatkuasaan yang lebih efektif dan sistematik.
- iv. Menjalankan pemantauan kualiti air Sungai Selangkah (anak Sungai Kim Kim) melalui dua (2) stesen pengawasan kualiti manual (*Manual River Water Quality Monitoring Programme*, EQMP).